



NOH OMAR dan Johari Abdul Ghani serta Nordin Daharom menyentuh bola kaca sebagai simbolik pelancaran Daftar Pengurus Harta Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ZAKARIA IDRIS

Azmin mungkin kecewa tak dicalon jadi PM - Noh

KUALA LUMPUR 11 Jan. - Pengerusi Badan Perhubungan Barisan Nasional (BN) Selangor, Tan Sri Noh Omar tidak menolak status terbaharu media sosial Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Azmin Ali adalah luahan rasa kecewanya terhadap pemilihan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri sementara Pakatan Harapan.

Menurut beliau, Azmin mungkin berasakan beliau lebih layak dicalonkan untuk jawatan itu berbanding Dr. Mahathir sehingga memuat naik status berbaur sindiran menerusi laman sosial Twitternya.

Tambahnya, tindakan Azmin itu turut mencetuskan tanda-tanya memandangkan Menteri Besar Selangor berkenaan sebelum ini diketahui menganggap Dr. Mahathir sebagai 'sifu' atau ketuanya.

"Dua hari selepas dilantik jadi Menteri Besar Selangor, Azmin berjumpa Dr. Mahathir dulu, bukan Anwar, bermakna sifu dia ialah Dr. Mahathir.

"Tetapi hari ni dia tidak begitu ok dengan Dr. Mahathir, (mungkin) dia berangan mahu menjadi PM, tetapi tiba-tiba Dr. Mahathir pula yang dilantik, mungkin dia rasa kecewa agaknya. Tetapi apa-apa pun

kena tanya Azmin," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai status Twitter Azmin yang menyatakan 'Sandiwaras kelas pertama'.

Ia didakwa merujuk kekecewaan Dr. Mahathir gagal menziarahi Ketua Umum Pakatan Harapan, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Hospital Rehabilitasi Cheras, semalam.

Noh yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor ditemui selepas majlis pelancaran Daftar Pengurus Harta Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta (LPEPH) di sini hari ini. Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dan Ketua Pengarah Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Nordin Daharom.

Daftar Pengurus Harta di bawah Pindaan Akta 242 itu kini dikenali sebagai Akta Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta 1981 yang diluluskan pada 17 Oktober lalu dan digazetkan pada 2 Januari 2018.

Sementara itu, Noh yang juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata, dalam tempoh 12 bulan bermula Januari hingga Disember

2018, pindaan Akta 242 ini memperuntukkan tempoh pemutihan bagi pengamal pengurusan harta.

Katanya, tempoh tersebut membenarkan pengamal pengurusan harta yang memenuhi syarat pengalaman untuk terus mendaftar sebagai Pengurus Harta Berdaftar.

"Dengan menjadi Pengurus Harta Berdaftar, ia memberi banyak manfaat iaitu firma yang mengurus sesuatu bangunan kediaman berstrata dan Pengurus Harta Berdaftar juga diiktiraf sebagai profesional yang menawarkan perkhidmatan pengurusan harta di bawah Akta 242," katanya.

Beliau memberitahu, hampir 60 peratus daripada RM300 juta bagi skim baik pulih rumah kos rendah dan sederhana diperuntukkan di Selangor manakala selebihnya di negeri-negeri lain.

"Ini kerana saya mendapat paling banyak permohonan dari Selangor. Di Wilayah Persekutuan pula, ada skim sendiri di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Jadi, peruntukan ini tidak termasuk Wilayah Persekutuan tetapi termasuk Sabah dan Sarawak," katanya.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN